

# PNB jamin pemilikan aset Bumiputera tak terjejas



Setiap keputusan pelaburan, pelupusan dibuat teliti pastikan jana keuntungan

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Permodalan Nasional Bhd (PNB)** memberi jaminan kepentingan Bumiputera dalam pemilikan aset tidak terjejas meskipun ia melaksanakan penjualan aset, kerana keuntungan yang dijana akan digunakan semula untuk pelaburan baharu.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, berkata syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia itu dengan mandat memperkayakan kehidupan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia sentiasa berdisiplin dalam pelaburannya.

Beliau berkata, setiap keputusan pelaburan dan pelupusan dilakukan dengan teliti dan meliputi proses tadbir urus pelbagai peringkat bagi memastikan ia memenuhi dasar dan objektif pelaburan PNB yang ketat.

“Keputusan beli atau jual la-

zimnya melalui proses penilaian dan kelulusan yang wajar dan ia berlandaskan kepada teras kami iaitu memastikan penjana pulangan jangka panjang kepada pemegang unit kami,” katanya kepada *BH* dan *NST* dalam satu temu bual secara dalam talian, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas langkah melupuskan keseluruhan pegangan saham yang dipegang oleh PNB dan dana unit amanahnya sebanyak 56.3 peratus dalam Chemical Company of Malaysia Bhd (CCM) kepada Batu Kawan Bhd (BKB) pada harga RM292.8 juta, baru-baru ini.

Ahmad Zulqarnain menjelaskan, pelupusan kepentingan itu pada harga RM3.10 sesaham adalah sangat ketara dari segi premium jika dibandingkan harga saham CCM pada pertengahan tahun sekitar RM1.50 sesaham.

Beliau berkata, PNB berjaya memperoleh harga sesaham yang mantap bagi menjana keuntungan daripada transaksi berkenaan, yang mana keuntungan yang diperoleh itu akan digunakan untuk pelaburan baharu bagi menjamin pulangan mampan pada masa depan dan terus meningkatkan pegangan Bumiputera dalam pasaran saham domestik.

Mengenai perancangan pelaburan pada masa depan, Ahmad Zulqarnain berkata, PNB akan meneruskan strategi mempelba-

gaikan portfolio dalam menjamin pulangan mampan kepada pemegang unit amanahnya.

Beliau berkata, syarikat pengurusan dana dengan aset di bawah pengurusan (AUM) melebihi RM300 bilion itu percaya, kepelbagaian portfolio mampu menangani cabaran turun naik tidak menentu dalam ekonomi, industri dan kelas aset yang dilaburkannya.

Katanya, PNB sangat aktif dalam mempelbagaikan portfolio, malah sejak tiga tahun lalu melakukan perbelanjaan bagi pembangunan kapasiti dalaman dan akan terus berbuat demikian dengan meningkatkan jenis aset yang dilaburkan termasuk pendapatan tetap, hartanah, ekuiti persendirian selain menambah jumlah pasaran berbeza dari segi geografi.

Jelasnya, PNB tidak bergantung kepada satu jenis pelaburan untuk menjana pulangan, sebaliknya kepelbagaian akan terus menjadi strategi syarikat untuk tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

“Kami melabur dalam pelbagai jenis aset sebanyak mungkin, (supaya) pulangan akan lebih mampan. Kami juga menyertai tawaran awam permulaan (IPO) antarabangsa.

“Kami melabur dalam pelbagai portfolio hartanah sama ada

**Keputusan beli atau jual lazimnya melalui proses penilaian dan kelulusan yang wajar dan ia berlandaskan kepada teras kami iaitu memastikan penjana pulangan jangka panjang kepada pemegang unit kami.**

**Ahmad Zulqarnain Onn,**  
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB



pada peringkat domestik dan luar negara. Kami juga meningkatkan pendedahan dalam pendapatan tetap menerusi sukuk di dalam pasaran tempatan dan luar negara.

“Insya-Allah, ini akan memberi pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami,” katanya.

Mengenai jangkaan pulangan Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun ini, Ahmad Zulqarnain berkata, PNB tidak boleh memberi sebarang bayangan mengenai jangkaan agihan pendapatan unit amanah berkadat tetap itu kerana akan mengumumkannya bulan depan.

Beliau menegaskan, apa yang boleh dikatakan ialah strategi kepelbagaian portfolio yang dilaksanakan PNB membuahkan hasil untuk menjamin pulangan mampan.